

Najib gagal isytihar pertuduhan cacat

Oleh HANIZA HASSAN
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 29 APRIL


DATUK Seri Najib Tun Razak gagal dalam percubaannya untuk mengisytiharkan tujuh pertuduhan salah guna jawatan, pecah amanah dan menerima hasil aktiviti haram berjumlah RM42 juta membatinkan dana syarikat SRC International Sdn. Bhd. (SRC International) cacat.

Hakim Mahkamah Tinggi di sini, Mohd. Nazlan Mohd. Ghazali dalam keputusan berkata, tiada kekaburan dalam semua pertuduhan yang dihadapi Ahli Parlimen Pekan itu atau atas jawatan mana beliau dipertuduhkan sama ada sebagai Perdana Menteri, Menteri Kewangan atau Penasihat Emeritus SRC International.

"Pertuduhan yang dikenakan terhadap tertuduh mematuhi Seksyen 165 Kanun Tatacara Jenayah dan selamat. Tidak ada kesalahan dalam pertuduhan

dan adalah menjadi tugas pendakwaan untuk merangka pertuduhan dan mahkamah ini menilainya," katanya.

Tambah Hakim Mohd. Nazlan, pihak pembelaan juga tidak menunjukkan elemen dalam semua pertuduhan yang akan menjadi prejudis kepada tertuduh.



NAJIB TUN RAZAK

"Perbicaraan sudah berjalan sembilan hari dan soal balas sudah dijalankan oleh pihak pembelaan sendiri. Tidak boleh mengatakan bahawa Najib dikelirukan atau diprejudiskan.

"Dakwaannya bahawa pertuduhan yang dikenakan terhadap tertuduh sebagai cacat adalah tanpa asas. Oleh itu mahkamah menolak permohonan ini," katanya.

Dalam permohonan notis usul yang difailkan pada 3 April lalu, Najib memohon supaya tujuh pertuduhan yang dikenakan terhadapnya itu, digantung atau dibatalkan atas alasan ia adalah cacat selain ia menyalahi proses mahkamah.

Sementara itu, Peguam Negara, Tommy Thomas memaklum-

kan pihaknya bersedia untuk menulis surat kepada Hakim Mahkamah Tinggi, Collin Lawrence Sequerah memohon untuk tarikh perbicaraan kes 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang akan bermula 14 Mei ini dilapangkan dan disambung dengan kes SRC International.

Perbicaraan kes Najib yang menghadapi 25 pertuduhan rasuah dan pengubahan wang haram membatinkan dana 1MDB berjumlah RM2.28 bilion akan bermula 14 Mei ini selama 14 hari manakala kes SRC International akan berakhir pada 10 Mei ini.

Bagaimanapun, Hakim Mohd. Nazlan berkata, perkara tersebut adalah bergantung kepada Hakim Collin, bagaimanapun pihaknya tidak mempunyai sebarang masalah untuk melapangkan kes lain dan memberi keutamaan kepada kes SRC International memandangkan ia adalah kes kepentingan awam.

Mahkamah pada prosiding hari ini turut memutuskan prosiding perbicaraan SRC International akan bermula pada pukul 9 pagi hingga pukul 3.30 petang sepanjang bulan Ramadan yang dijangka bermula Isnin ini.